

05 JAN 1999

Bakun-Tabung

TABUNG AMANAH BAKUN HENTI TAJA EMPAT PELAJAR

KUCHING, 5 Jan (Bernama) -- Tabung Amanah Bakun, tabung pendidikan yang dikhaskan untuk penduduk di daerah Belaga, Kapit, Sarawak telah menghentikan tajaan terhadap empat pelajar berikutan prestasi pelajaran mereka di Institut Pengajian Tinggi (IPT) tidak memuaskan.

Pengerusi tabung berkenaan, Datuk Dr James Jemut Masing berkata, pemberhentian tajaan itu adalah bagi menjaga kualiti dan sebagai amaran kepada bakal penerima bantuan tabung itu.

"Kita terpaksa bertegas supaya mereka bersungguh-sungguh dalam pelajaran," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pertandingan "Kenali Sarawak/Malaysia" melalui Internet di sini hari ini.

Tanpa mendedahkan dengan lebih terperinci, Masing berkata, tindakan tegas terpaksa diambil terhadap pelajar yang gagal dalam peperiksaan semester walaupun sewaktu permohonan beliau adalah pelajar terbaik.

Tabung Amanah Bakun yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 7 Ogos tahun lalu mempunyai peruntukan RM10 juta hasil sumbangan kerajaan negeri dan pusat.

Tabung itu, yang diwujudkan bagi penduduk Belaga yang dikehendaki berpindah berikutan pelaksanaan projek hidroelektrik Bakun sebelum projek ditangguhkan akibat kegawatan ekonomi, telah menaja 274 pelajar di IPT awam dan swasta.

Dalam perkembangan lain, Masing, yang juga Menteri Pelancongan negeri, berkata kemasukan pelawat ke Sarawak dijangka meningkat sedikit tahun ini terutama dari Brunei.

Beliau berkata, bagi tahun lepas jumlah pelawat ke Sarawak dari Januari hingga September adalah sebanyak 989,443 orang dengan pelawat Brunei mencatat jumlah tertinggi iaitu 597,938.

"Ini bukan jumlah yang telah diaudit lagi serta tidak lengkap memandangkan jumlah tersebut hanya dari Januari hingga September. Jumlah mungkin berubah," katanya.

Pertandingan itu, yang bermula dari hari ini hingga 31 Mac menawarkan wang tunai berjumlah RM2,000 secara keseluruhan selain pelbagai hadiah lain, memerlukan peserta menjawab 50 soalan dengan jawapan terdapat di laman web <http://tourism.gov.my> atau www.sarawaktourism.com.

-- BERNAMA

RDY AKD